

18/10/1999

GPMS, Cuepacs sambut baik pembentukan majlis perunding

KUALA LUMPUR, Ahad - Persetujuan kerajaan membentuk Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan dianggap sebagai bukti keprihatinan kerajaan terhadap suara pelajar, terutama di institusi pengajian tinggi.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata dengan pembentukan majlis itu, pelajar diberi peluang bersemuka dengan kerajaan berkaitan pelbagai hal, termasuk isu dalam negara dan antarabangsa.

"GPMS mengalu-alukan pembentukan majlis ini kerana ia dapat merapatkan jurang antara pelajar dan kerajaan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan pembentukan Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan yang bertujuan merapatkan hubungan dengan pelajar institusi pengajian tinggi dengan kerajaan.

Beliau dilaporkan berkata, majlis itu akan disertai oleh wakil semua institusi pengajian tinggi awam adalah satu pendekatan praktikal untuk mencari pertemuan di antara pelajar dan kerajaan.

Suhaimi berkata, ia juga dapat mencetuskan usaha dalam pembangunan negara bagi membolehkan pelajar dan kerajaan menyelesaikan masalah di semua peringkat.

"Pada 27 Mei lalu dalam pertemuan GPMS dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau memutuskan untuk mewujudkan majlis ini, dan pihak kami berasa gembira kerana ia menjadi kenyataan," katanya.

Sementara itu, Kongres Kesatuan Sekerja Kakitangan Awam (Cuepacs) turut menyambut baik penubuhan majlis berkenaan kerana ia akan membolehkan pelajar membincangkan masalah mereka terus dengan kerajaan.

Presidennya, N Siva Subramaniam, berkata penubuhan majlis itu begitu tepat pada masanya.

"Majlis ini akan merapatkan apa jua jurang antara pelajar dan kerajaan. Sudah menjadi hakikat bahawa pelajar menghadapi banyak masalah.

"Adakalanya masalah mereka disalahtafsir atau ditonjolkan secara negatif oleh mereka yang mahu mengambil kesempatan daripada situasi itu.

"Langkah untuk menubuhkan majlis itu akan menyelesaikan semua ini dan akan membolehkan pelajar membincangkan masalah mereka terus dengan kerajaan," katanya.

(END)